

ANALISIS PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN DI MAHKAMAH SYARIAH MENURUT PERSPEKTIF HUKUM SYARAK

Analysis of Applied the Practice Direction in Shariah Court According to the Perspective of Shariah Law

Zubaidi Sulaiman

*Ph.D Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
hakimrsgm@gmail.com*

Ahmad Hidayat Buang

*Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
ahidayat@um.edu.my*

ABSTRACT

Practice direction has been introduced in the Shariah Court in Malaysia since 2000. The application of practice direction is an effort towards creating every Shariah Courts in Malaysia to have the same practice and standard of operation and proceedings. A qualitative approach using library research aims to analyze and clarify the basics of the practice direction application based on the Islamic Law perspective. Surveys to Islamic legal texts found that there was no specific discussion related to the Court Practice Direction in its form today. However, the findings of the study show that the application of practice direction in the Shariah Court is premised on Shariah Law through the nas-nas al-Quran and al-Sunnah, and the practice of companion. It also complies with Islamic principles such as method of the istiṣlāḥ, istiḥsān, taysīr, raf al-ḥaraj, avoiding mashaqqah and ḍarar as well as sadd al-dharā' in the framework of the implementation of siyāsah shariyyah. In addition, the application of practice directions

corresponds with the maqāsid shari'ah 'mmah and the maqāsid of the judiciary itself which is to uphold justice. The results of this study are very significant to further strengthen the findings of the previous research on the validity of practice direction as one of the main references in the Shariah Court other than the statute law in force.

Keywords: *Practice Directions, Shariah Court, Shariah Laws*

PENDAHULUAN

Objektif utama amalan pentadbiran kehakiman Islam adalah untuk memberikan keadilan khususnya kepada pihak-pihak yang bertikai (Ibn Farhūn, 1995: 13). Apa-apa amalan dan peraturan yang hendak dilaksanakan perlulah menjurus kepada kepentingan keadilan. Ini adalah kerana keadilan merupakan objektif syarak (*maqāsid al-sharī'ah*) dalam kehakiman Islam. Amalan pentadbiran kehakiman Islam yang diamalkan di Mahkamah Syariah di Malaysia adalah berpaksikan kepada asas-asas yang digariskan oleh hukum syarak. Peruntukan khusus telah dimasukkan di dalam undang-undang yang diguna pakai bagi menjamin setiap prosedur dan proses pentadbiran agar selari dengan kehendak syarak (Daud Mohamad, 2015: 10-11). Seksyen 230 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 245 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 adalah antara contoh peruntukan-peruntukan mengikat pentadbiran Mahkamah Syariah agar tidak menyimpang daripada prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh hukum syarak.

Salah satu mekanisme untuk merealisasikan keadilan sebagaimana yang dituntut oleh syarak, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang ditubuhkan pada tahun 1998 dalam usaha untuk menyelaras dan menyeragamkan aspek-aspek perundangan dan pentadbiran Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan arahan amalan dari semasa ke semasa untuk diikuti dan diterima pakai oleh semua Mahkamah Syariah di Malaysia. Namun, disebabkan tiadanya perbincangan secara khusus oleh para sarjana fiqh mengenai arahan amalan dalam penulisan-penulisan mereka, justeru timbul persoalan adakah pengeluaran dan pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah mempunyai asas-asas syarak yang jitu atau ia hanya merupakan tindakan yang diambil untuk tujuan pentadbiran semata-mata.

DEFINISI ARAHAN AMALAN

Arahan amalan ataupun *practice direction* telah didefinisikan oleh A Dictionary Of Law (1997: 347) sebagaimana berikut:

“Practice Direction is published statements, usually issued by the head of the court or division to which they relate, indicating the procedure to be followed in particular matters of the courts intended policy in certain cases.”

Definisi ini menunjukkan bahawa arahan amalan ialah perkara yang dikeluarkan oleh ketua mahkamah berkaitan prosedur sesuatu kes atau mewujudkan polisi-polisi tertentu untuk dipatuhi. Manakala Curzon (2003: 232-233) dalam Dictionary of Law pula membuat definisi yang hampir sama iaitu:

“Directions and notes, generally published in the law reports, indicating the views of the judges, masters, registrars of the High Court, relating to matters of practice and procedure of the courts. They do not have any statutory authority.”

Definisi ini menjelaskan bahawa arahan amalan adalah diterbitkan dalam laporan undang-undang dan tidak bersifat undang-undang. Ia merupakan pandangan hakim atasan dan pendaftar berkaitan dengan prosedur dan amalan di mahkamah. Laman sesawang rasmi mahkamah pula mentakrifkan arahan amalan Ketua Hakim Negara sebagaimana berikut:

“Arahan amalan Ketua Hakim Negara dikeluarkan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara sebagai satu garis panduan atau arahan pentadbiran dalam urusan keseragaman dalam penggunaan budi bicara hakim-hakim dan pegawai undang-undang atau untuk kelancaran urusan pengendalian kes-kes di mana-mana peringkat mahkamah.”

Manakala melalui laman sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pula, arahan amalan telah didefinisikan sebagai:

“Pernyataan-pernyataan bercetak, yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, menunjukkan prosedur yang perlu diikuti dalam hal-hal tertentu atau polisi yang dicadangkan oleh pihak mahkamah dalam kes-kes tertentu tidak seperti peraturan mahkamah. Arahan Amalan adalah bertujuan sebagai satu arahan pentadbiran.”

Menurut Mazni (2014: 72), arahan amalan JKSM adalah suatu dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKSM atau Ketua Hakim

Syarie berkaitan prosedur atau polisi yang mana ia perlu diikuti dan dipatuhi walaupun tidak berstatus undang-undang.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, menunjukkan bahawa kedudukan arahan amalan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil secara umumnya adalah sama iaitu tidak berstatus undang-undang dan ianya merupakan dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan tertinggi mahkamah berkaitan garis panduan, prosedur, polisi yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan mahkamah untuk tujuan penyeragaman pentadbiran dan kehakiman.

ARAHAN AMALAN DARI PERSPEKTIF HUKUM SYARAK

Dalam merealisasikan keadilan, institusi kehakiman hendaklah dilengkapi dengan undang-undang yang mantap, prosedur yang lengkap dan juga personel yang berkebolehan dan cekap. Tinjauan kepada teks-teks perundangan Islam sedia ada didapati tiadanya perbincangan khusus berkaitan dengan arahan amalan mahkamah sebagaimana dalam bentuknya hari ini. Wael B. Hallaq (2005) mengulas berkenaan sukarnya untuk menemui rekod kehakiman Islam seperti berikut;-

“For example, we possess no court records or any other source that can inform us how the judiciary operated during the formative period, or what went on in courts. We have no clear idea of the types of problems that were litigated, how they were resolved, what legal doctrines were applied, how the parties represented themselves, how accessible courts were for women, how the judges used social and/or tribal ties to negotiate and solve disputes, and so forth”

Walaupun tiada perbincangan khusus dilakukan oleh para sarjana dalam teks-teks perundangan Islam berkaitan arahan amalan, namun pemakaiannya tidak lari dari prinsip-prinsip umum yang telah dikemukakan dalam al-Quran dan al-Sunnah serta amalan para Khulafa' al-Rāshidīn, berteraskan *maqāsid al-sharī'ah* dan menepati prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah fiqh.

1. Arahan Amalan Bersandarkan Dalil Umum al-Quran

Al-Quran dengan jelas menegaskan bahawa menegakkan keadilan merupakan objektif syarak dalam sistem kehakiman Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa, dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Al-Ma’idah 5: 8)

Secara umumnya, dalam merealisasikan konsep keadilan dalam sistem kehakiman Islam, segala prosedur yang berkaitan hendaklah bermatlamatkan untuk menegakkan hak dan menghapuskan kebatilan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian, apa-apa mekanisme yang boleh membawa kepada tercapainya keadilan seperti pengeluaran arahan amalan untuk menyeragam dan melicinkan perjalanan mahkamah serta membantu para hakim untuk mencari keadilan adalah harus setakat mana tiadanya nas syarak yang menegahnya.

Arahan amalan dibina hasil daripada ijtihad yang dikeluarkan oleh pakar-pakar syariah melalui Mesyuarat Arahan Amalan. Setelah dipersetujui secara konsensus oleh semua pakar yang terlibat, arahan amalan kemudiannya diluluskan dan dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie yang merupakan ketua perkhidmatan kehakiman Syariah. Sehubungan dengan ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah, taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.” (Al-Nisa’ 4: 59)

Melalui ayat ini, semua orang mukmin diperintahkan agar mentaati Allah, Rasul dan *Ulul Amri* (pemerintah). *Ulul Amri* menurut al-Syawkānī (2007: 308) dan al-Zuhaylī (1997: 6190-6191) termasuklah juga para hakim khususnya Ketua Hakim Syarie yang dilantik dan ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agung/Sultan/Raja. Al-Māwardī telah menggariskan kewajipan orang Islam terhadap hakim ialah mentaatinya dalam perkara bukan maksiat kerana sesungguhnya apabila umat Islam telah membaiah imam/khalifah, maka wajib taat kepadanya dalam semua perkara (*Ibid.*). Justeru, apa-apa arahan amalan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie untuk menjamin keadilan dilaksanakan hendaklah dipatuhi dan diterima pakai oleh semua hakim, pegawai mahkamah dan pihak-pihak yang terlibat.

2. Arahan Amalan Bersumberkan Dalil Al-Sunnah

Selain al-Quran, terdapat banyak hadith berkaitan kewajipan mentaati pemerintah dan pihak berkuasa, antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Siapa yang taat kepada ku, maka dia telah taat kepada Allah, siapa yang derhaka kepada ku, maka dia telah derhaka kepada Allah, siapa yang taat kepada amīr (pemerintah) ku, maka dia telah taat kepada ku, siapa yang derhaka kepada amīr ku, maka dia telah derhaka kepada ku.”¹

Juga hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Dengar dan taatlah kamu kepada pemerintah sekalipun seorang hamba Habshī yang kepalanya seakan-akan buah anggur selama mana dia menegakkan Kitab Allah”. Dalam riwayat yang lain pula, bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Abū Dhar RA: “Dengar dan taatlah walaupun kepada seorang Habshī yang kepalanya seperti anggur.”²

Selain itu, terdapat hadith yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Wajib atas setiap muslim dengar dan taat (kepada pemerintah) dalam urusan yang dia suka atau benci melainkan dia disuruh melakukan maksiat, jika dia disuruh melakukan maksiat maka tidak wajib dengar dan tidak wajib taat.”³

Al-Qastallāni (1996: 435) ketika menghuraikan hadith di atas menyatakan:

“Ketaatan terhadap arahan-arahan mereka (pemerintah) adalah wajib, dan ini meliputi para pemerintah umat Islam termasuklah para hakim sama ada di zaman Rasulullah SAW dan juga selepas

¹ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 2002), 1764 (Kitāb al-Aḥkām, Bāb Qawl Allāh Ta’āla Aṭī’u Allāh wa Aṭī’u al-Rasūl wa Ulī al-Āmr Minkum, no. hadīth 7137).

² Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 1765 (Kitāb al-Aḥkām, Bāb al Sam’u wa al Ṭā’ah li al-Imām mā lam takun Ma’siyah, no. hadith 7142).

³ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadīth 7144; Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim (Qāhirah: Dār Ṭiba, 2008), 892 (Kitāb al-Imārah, Bāb Wujūb Ṭa’ah al-Umara’ fi ghair Ma’siyah wa Ṭaḥrīmuhā fi al-Ma’siyah, no. hadith 1839).

baginda selama mana suruhan tersebut bukan terhadap perkara maksiat.”

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ali RA bahawa bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Ketaatan itu hendaklah pada perkara yang ma’ruf.”⁴

Berdasarkan kepada hadith-hadith di atas, perintah atau arahan pihak berkuasa hendaklah dipatuhi dan diikuti selama mana ianya membawa kebaikan kepada orang-orang di bawahnya (Mustāfā al-Nadawī, 2015: 135). Selain itu, terdapat juga hadith yang boleh menjadi asas ke arah pembinaan arahan amalan iaitu:

“Ketika mana Rasulullah mengutus Mu’ādh bin Jabal ke Yaman untuk menjadi qāḍi, Baginda bertanya: “Apa yang kamu akan lakukan apabila dibentangkan kepada kamu kes yang perlu diputuskan?” Mu’ādh menjawab: “Aku memutuskan berdasarkan Kitab Allah.” Baginda bertanya: “Sekiranya tidak ditemui dalam kitab Allah?” Mu’ādh menjawab: “Aku memutuskan bersandarkan sunnah Rasulullah.” Tanya Baginda lagi: “Sekiranya tidak ditemui?” Mu’ādh menjawab, “Aku berijtihad dengan pandanganku, aku tidak akan mencuaikannya.” Baginda lalu menepuk dada Mu’ādh sambil bersabda: “Segala puji bagi Allah yang memberi taufik kepada utusan Rasulullah untuk mendapatkan sesuatu yang diredhai oleh Allah.”⁵

Hadith di atas menunjukkan prinsip pemakaian arahan amalan pada asasnya sudah ada sejak di zaman Rasulullah SAW lagi. Bahkan terdapat banyak kes dan peristiwa yang berlaku di zaman Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin yang boleh disifatkan sebagai satu bentuk arahan amalan. Antaranya arahan yang dikeluarkan oleh Rasulullah SAW kepada ‘Ali RA bersama Zubayr RA dan Miqdād RA untuk memeriksa dan merampas dokumen yang

⁴ Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadith 7145, Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, 892-893, no. hadith 1840).

⁵ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd* (Bayrūt: Dār al-Risālah al-‘Alāmiyyah, 2009), 5:443-444 (Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb ijtihād al-Ra’yī fi al-Qaḍā’, no. hadith 3592). Shu’āib al-Arnāuṭ menyatakan hadis ini ḍaif kerana adanya kesamaran siapakah ‘ashab’ (sahabat) Mu’adh sebagai perawi hadis tersebut, manakala seorang lagi perawi al-Hārith bin ‘Amrū merupakan seorang yang majhul, namun begitu ramai ulama seperti al-Fakh al-Bazdawī, al-Juwaynī, Abū Bakr ibn ‘Arabi, Khātīb al-Baghdādī, Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim dan al-Syawkānī mengatakan hadis ini sahih.

dihantar ke Mekah melalui seorang wanita yang mengandungi maklumat tentang perancangan Rasulullah SAW untuk menakluki Mekah. Apabila 'Ali RA menemui wanita tersebut di suatu tempat (antara Mekah dan Madinah) beliau menyuruh wanita itu menyerahkan dokumen rahsia itu. Wanita itu enggan berbuat demikian. Lalu 'Ali RA mengugut akan membuka semua pakaian wanita itu untuk mencari dokumen berkenaan. Wanita tersebut kemudiannya segera menyerahkan dokumen itu (Ibn al-Qayyim, 2002: 9). Arahan Rasulullah SAW dan apa yang dilakukan oleh 'Ali RA ini menjadi panduan dan amalan tentang keharusan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas dokumen dan tubuh badan orang yang disyaki melakukan kesalahan dan jenayah meskipun pada dasarnya, memeriksa atau menggeledah dokumen dan tubuh badan seseorang adalah tidak dibenarkan kerana ia mencabul hak dan kebebasan peribadi.

Rasulullah SAW juga telah mengeluarkan arahan supaya seorang lelaki yang disyaki melakukan sesuatu yang tidak baik ditahan reman, kemudian baginda membebaskannya selepas itu (Naswah al-'Ulwānī, 2004: 155). Selain itu, Rasulullah SAW pernah mengarahkan supaya mendera seorang lelaki yang disyaki menjadi perisik musuh ketika dalam peperangan sehingga ia mengakui peranannya sebagai perisik dan memberikan maklumat tentang kedudukan musuh kepada Rasulullah SAW (Ibn Farhūn, 1995: 106-107).

Selain itu juga, Rasulullah SAW juga telah mengeluarkan arahan berbentuk penurunan kuasa kepada beberapa orang sahabat untuk menjalankan siasatan ke atas tertuduh (Naswah al-'Ulwānī, 2004: 142), bahkan menurunkan kuasa kepada beberapa sahabat untuk mendengar dan memutuskan kes. Rasulullah SAW juga pernah mengarahkan al-Zubayr al-'Awwām untuk menyeksa tertuduh yang telah melanggar arahan Nabi SAW ketika tamatnya peperangan Khaybar agar tidak menyorok harta-harta yang telah berjaya dikuasai oleh tentera Islam (Ibn al-Qayyim, 2002: 13-14). Peristiwa ini menjadi dalil sebahagian ulama antaranya ulama Ḥanābilah seperti Ibn al-Qayyim, ulama Shāfi'iyah seperti Al Māwardī, ulama Mālikiyyah seperti Ibn Farhūn dan ulama mutaakhirin daripada Hanafiyyah untuk membenarkan tertuduh yang mempunyai asas yang kuat untuk dikaitkan dengan tuduhan tersebut dipukul dan diseksa sehingga mengaku salah.

Namun demikian, dalam konteks perundangan semasa, memaksa, memukul atau menyeksa tertuduh untuk membuat pengakuan bersalah adalah tidak dibenarkan dan tidak diterima sebagai satu keterangan di mahkamah. Seksyen 18 (1)(e) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] memperuntukkan iqrar yang tidak dibuat secara sukarela tidak boleh diterima dalam mahkamah.

Menurut Akta Keterangan 1950 pula, seksyen 24 akta berkenaan menjelaskan, sesuatu pengakuan salah yang dibuat oleh orang tertuduh disebabkan dorongan, ugutan atau janji menjadi tidak berkaitan dalam prosiding mahkamah. Malah jika pengakuan tertuduh diperoleh setelah dipukul, diseksa dan sebagainya lebih-lebih tidak boleh diterima kerana berlakunya tohmahan pada pengakuannya. Ini sejajar dengan pandangan al-Sarakhsī (1989: 4090) yang menyatakan:

“Jika hakim memaksa tertuduh dengan cara memukul, mengikat dan memenjarakannya sehingga dia membuat pengakuan bersalah, maka pengakuannya itu adalah batil (tidak sah) kerana hanya pengakuan yang dibuat secara benar dan sukarela sahaja diterima, sedangkan pengakuan yang dibuat dengan cara tertuduh diugut, dipukul dan dipenjara adalah menafikan kebenaran dan ketulusan pengakuan yang dibuat.”

Menyentuh isu yang sama, Lajnah Fatwa al-Azhar telah cenderung kepada pandangan yang tidak membenarkan tertuduh diseksa atau dipukul untuk membuat sesuatu pengakuan.

3. Arahan Amalan Berteraskan Amalan Khulafa' al-Rāshidīn

Khalifah ‘Umar al-Khattāb RA pada zaman pemerintahannya telah menulis surat kepada Abū Mūsa al-Ash’arī yang dikenali sebagai *Risālah al-Qadā’* (Arnūs, t.t.: 13) yang menjelaskan prinsip-prinsip penghakiman kepada para hakim apabila membuat sesuatu penghakiman. Isi kandungan *Risālah al-Qadā’* itu ialah:

“Perbicaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah. Yang pertama hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepadamu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Layanansamarata sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapanmu dan dalam cara kamu memandang mereka, juga dalam hukuman yang kamu jatuhkan. Dengan cara itu seseorang yang berpangkat tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepadamu untuk menjadi seorang yang tidak adil dan seorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada tanggungjawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang ingkar. Perdamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman, kecuali yang dibenarkan oleh Islam, fahaman yang jelas kepada setiap kes yang dibawa ke hadapanmu dalam perkara yang tidak ada nas dari al-Quran dan

al-Sunnah. Tugas kamu ialah menggunakan kaedah qiyas atau perbandingan bagi tujuan memisahkan di antara perkara yang ada persamaan dengan yang tidak ada persamaan, kemudian cubalah sedaya upaya mencari keputusan yang dikira lebih hampir kepada keadilan dan ia boleh dianggap lebih baik di sisi Allah. Jangan tunduk kepada perasaan marah atau bimbang dan jangan pula hilang kesabaran kerana perbuatan orang yang dibicarakan di hadapanmu.”

Surat ini menjelaskan tentang garis panduan yang wajib diikuti oleh para hakim semasa menjalankan tugas. Di samping itu juga, ia menjelaskan tentang prinsip kehakiman yang perlu dipatuhi untuk mencapai matlamat yang sebenar. Selain itu, Khalifah ‘Umar al-Khattāb RA juga pernah mengirim surat kepada hakim Shurayh Ibn Hārīth al-Kindī:

“Apabila datang kepada kamu sesuatu perkara, hendaklah kamu merujuk dan menyelidiki kitab Allah dan hukumlah dengannya. Kalau tidak ada di dalam kitab Allah rujuklah kepada sunnah Rasulullah, jika tidak ada dalam sunnah Rasulullah, hukumlah dengan apa yang telah diijmakkan dan disetujui oleh manusia (ulama-ulama) dan jika tidak ada kajilah kalau-kalau ada pendapat orang-orang terdahulu daripadamu, dan jika kamu mahu bolehlah kamu menggunakan ijtihadmu atau kamu menangguhkannya buat sementara, aku berpendapat ini adalah lebih baik.”

Selain itu, Khalifah ‘Umar RA juga pernah menulis *Risālah al-Qadā* ditunjukkan kepada Abū ‘Ubaidah al-Jarrah menjelaskan lima prinsip penghakiman yang perlu dilaksanakan oleh hakim iaitu:

“Hendaklah kamu melazimi lima perkara, nescaya akan sejahteralah agamamu dan beruntunglah kamu. Apabila datang dua orang yang bertelingkah, (i) hendaklah kamu mendengar bayyinah yang adil dan sumpah yang memutuskan, kemudian (ii) hendaklah kamu memudahkan akses kepada pihak yang lemah sehingga pertuturannya menjadi lancar dan hatinya menjadi berani (untuk menuntut hak). Seterusnya (iii) hendaklah kamu menyantuni dan memberi keutamaan kepada pihak yang datang jauh kerana melewatkannya boleh menjejaskan urusannya yang lain dan melambatkan kepulangannya ke pangkuan ahli keluarganya. (iv) Juga hendaklah kamu menyamaratakan pandangan dan pemerhatian ke atas semua pihak dan (iv)

hendaklah kamu berusaha agar kedua pihak mencapai sulh sebelum penghakiman dibuat.”

Surat-surat di atas merupakan arahan daripada Khalifah ‘Umar al-Khattāb RA kepada para hakim mengenai pengadilan yang seharusnya dijalankan oleh seorang hakim. Selain dari yang dinyatakan di atas, terdapat juga *Risālah al-Qaḍā’* yang ditulis oleh Khalifah ‘Umar kepada hakim-hakim yang lain seperti Mu’āwiyah bin Abī Sufyān RA dan Mu’adh bin Jabal RA (Muḥammad al-Zuhaylī, 1995: 112-115).

Amalan yang sama diteruskan oleh Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān RA dan Khalifah ‘Alī bin Abī Ṭālib RA untuk memantau dan menasihati para hakim bagi memastikan pentadbiran kehakiman dapat berjalan dengan baik. Khalifah ‘Alī RA di zaman pemerintahannya telah membuat arahan supaya saksi-saksi di mahkamah hendaklah diletakkan secara berasingan dan soal siasat juga dibuat secara berasingan (Naswah al-‘Ulwānī, 2004: 142). Arahan ini dibuat bagi mengelakkan berlakunya komunikasi dan pertukaran maklumat dalam kalangan saksi yang boleh menjejaskan keadilan dalam proses perbicaraan. Seterusnya Khalifah ‘Umar ‘Abdul ‘Azīz ketika menjadi khalifah Umayyah, telah menulis surat kepada pihak penguasa penjara menjelaskan tatacara layanan yang perlu dilakukan ke atas tahanan⁶ serta prosedur yang perlu dilakukan ke atas tertuduh sehingga membuat pengakuan bersalah (Abū Yūsuf, 1997: 151).

Kes-kes yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa arahan-arahan dalam pentadbiran keadilan dan tatacara undang-undang telah dikeluarkan oleh pihak yang tertinggi dalam pentadbiran seperti Rasulullah SAW dan para sahabat. Oleh itu, pemakaian arahan amalan sama ada berbentuk lisan dan tulisan yang sudah lama dipraktikkan dalam pentadbiran kehakiman Islam menjadi asas yang kukuh untuk diguna pakai dalam bentuk arahan amalan yang lebih bersistematik di Mahkamah Syariah pada masa kini.

4. Arahan amalan Berasaskan *Maqāsid al-Sharī’ah*

Selain itu, pemakaian arahan amalan juga berasaskan kepada *maqāsid al-sharī’ah* atau objektif syarak dalam kehakiman iaitu menegakkan keadilan dan menafikan kezaliman. ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām (1991) menjelaskan bahawa kekuasaan (*al-wilāyah*), kehakiman (*al-qaḍā’*), undang-undang keterangan (*al-syahādat*) disyariatkan untuk *jalb al-maslahah* (menarik kebaikan) atau *darr al-mafṣadah* (menolak keburukan). Oleh yang demikian sebarang

⁶ Abū Yūsuf, *al-Kharāj* (Tunisia: Dār al-Busālamah li al-Nashr, 1997), 151.

tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa yang boleh mendatangkan kebaikan, menolak kemudharatan dan memastikan keadilan lebih terjamin seperti pengeluaran arahan amalan untuk melicinkan pentadbiran mahkamah dan memudahkan prosiding kes di mahkamah. Ia juga selari dengan kaedah fiqh *ibāḥah al-nāfi' wa hadhar al-dārr* (mengharuskan perkara yang memberi manfaat dan mencegah perkara yang membawa mudharat).

Ibn 'Ashūr (2007: 47) dan al-Raysūnī (2009: 13) memperincikan tentang *maqāsid shārī'ah 'ammah* (umum) bertujuan untuk menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta selain bertujuan untuk menghapuskan kemudharatan, menghilangkan kepayahan, menegakkan keadilan di antara manusia dan mengeluarkan seseorang mukallaf dari dorongan hawa nafsunya, memelihara peraturan, menarik kebaikan, menolak keburukan, menyamaratakan semua manusia, memartabatkan syariah, memperteguhkan umat dan sebagainya. Kesemua *maqāsid* yang dinyatakan oleh Ibn 'Ashūr dan al-Raysūnī ini adalah selaras dengan tujuan pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah.

Selain itu, untuk mencapai *maqāsid al-sharī'ah* iaitu menjaga agama, maka sebarang langkah yang diambil untuk memperkukuhkan undang-undang syariah dan memperkasakan institusi kehakiman Islam (Zulfakar Ramlee, 2019: 2) seperti mempekenalkan arahan amalan di Mahkamah Syariah adalah termasuk dalam objektif ini. Dalam mencapai objektif menjaga harta pula, arahan amalan dibuat antara lain bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kelewatan penyelesaian kes di Mahkamah Syariah. Kes yang mengambil masa lama untuk diselesaikan menyebabkan berlakunya pembaziran masa, tenaga dan wang ringgit terhadap pihak yang berurusan dengan mahkamah bahkan merugikan mahkamah itu sendiri. Manakala untuk mencapai objektif menjaga keturunan pula, arahan amalan dibuat bertujuan untuk memastikan penyeragaman dalam tindakan dan prosedur supaya keturunan manusia terpelihara. Struktur sosial masyarakat akan menjadi kacau bilau dan jalur keturunan yang suci akan tercemar jika peraturan mengenainya tidak ditadbir dan dikawal selia dengan baik. Untuk itu, arahan amalan seperti tatacara permohonan perkahwinan bawah umur, wali hakim, poligami, pengesahan perkahwinan dan pengesahan lafaz cerai dikeluarkan untuk memastikan objektif menjaga keturunan tercapai dan dikawal selia dengan baik dan tersusun.

Maqāsid al-sharī'ah dari sudut kepentingannya kepada *maslahah* manusia terbahagi kepada tiga, iaitu *al-daruriyyāt*, *al-ḥājjiyyāt* dan *al-taḥsīniyyāt* (al-Ghazālī, 1322H: 290). Pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah secara umumnya termasuk dalam kategori *al-ḥājjiyyāt* iaitu perkara yang penting dan perlukan perhatian (*important & need attention*). Perkara *al-ḥājjiyyāt* diperlukan oleh manusia bagi memberikan kemudahan dan menghilangkan

kesukaran. Dalam konteks pemakaian arahan amalan, meskipun tanpa adanya arahan amalan tidak membawa kepada kerosakan dan kepincangan dalam sistem kehakiman sebagaimana ketiadaannya perkara-perkara *al-daruriyyāt*, namun ia akan menimbulkan kerumitan dalam menjalankan urusan tadbir mahkamah dan prosiding perbicaraan sekaligus menyukarkan pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah.

e. Arahan Amalan Bertepatan dengan Prinsip dan Kaedah Fiqh

Di dalam perundangan Islam, sumber disebut juga sebagai *adillah*. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu sumber utama (*adillah qat'iyah*) dan sumber sekunder (*adillah ijthādiyyah*). Sumber utama terdiri daripada al-Quran dan al-Sunnah. Manakala sumber sekunder terdiri daripada *ijmā'*, *qiyās*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i'*, *istiḥsān*, *istiṣḥāb* dan sebagainya. Sumber kedua ini yang diperolehi hasil ijthād para fuqaha' diperlukan bagi menyelesaikan masalah yang tiada nas dari sumber utama (Mohd Nasran, 2002: 17). Dalam hal ini, pemakaian arahan amalan Mahkamah Syariah secara umumnya bersandarkan sumber utama (*adillah qat'iyah*) dan secara khususnya bersandarkan sumber sekunder (*adillah ijthādiyyah*), namun jelasnya, pemakaian arahan amalan tidak bertentangan dengan hukum syarak bahkan ianya selaras dengan prinsip-prinsip syariah seperti kaedah *istiṣlāḥ*, *taysīr* (memberikan kemudahan kepada pihak-pihak yang berurusan dengan mahkamah), *istiḥsān*, *raf'u al-ḥarāj*, mengelakkan *mashaqqah*, menjaga *maṣlaḥah* dan menolak kemudharatan serta *sadd al-dharā'i'*.

Kaedah *istiṣlāḥ* menurut al-Zarqa (1998: 39) ialah cara menentukan hukum syarak berpandukan *maṣāliḥ al-mursalah*. Manakala *maṣāliḥ al-mursalah* pula bermaksud mana-mana *maṣlaḥah* yang mendokong *maqāsid al-sharī'ah*. *Maslaḥah* tersebut pada asalnya tidak dinyatakan oleh nas syarak secara langsung tentang penerimaannya atau penolakannya. Al-Zarqa seterusnya memberikan contoh penggunaan *istiṣlāḥ* dalam konteks mahkamah iaitu menyusun pentadbiran mahkamah supaya lebih kemas dan berkesan seperti jadual, masa, fail dan dokumen. Jelas di sini, kaedah *istiṣlāḥ* ini telah diaplikasikan dalam pemakaian arahan amalan ini. Tindakan yang diambil oleh JKSM ini juga amat bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyebut: *taṣarraf al-imām 'alā ra'iyatuhu manūṭ bi al-maslaḥah* (tindakan yang diambil oleh pemerintah terhadap orang yang di bawahnya adalah berpandukan kepada *maṣlaḥah*) (Al-Nadawī, 2007:403; Ṭalāfah, 208: 37-60).

Pengeluaran arahan amalan juga selaras dengan prinsip *istiḥsān* sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Zarkashī (t.t.: 93) iaitu suatu perkara dilakukan oleh

mujtahid yang diyakini baik berdasarkan pemikiran yang teguh dan tetap meskipun tanpa dalil yang jelas namun tidak bercanggah dengan nas-nas al-Quran dan al-Hadith. Manakala al-Sarakhsī pula menegaskan *istihsān* sebagai meninggalkan kesukaran untuk memperoleh kemudahan (Fārūq Abdullah Kareem, 2012: 23). Pemakaian arahan amalan juga mengambil prinsip *istihsan* iaitu menukarkan sesuatu hukum daripada dalil/hukum *kulliy* iaitu kebebasan hakim (*istiqlāl al-Qādī*) dalam berfikir dan berijtihad (*hurriyatu al-fikr wa al-ijtihād*) (‘Abd al-Karīm Zaydan, 1993:232; Abū Fārīs, 1995: 191) dalam penghakiman tanpa dipengaruhi dan dipandu oleh mana-mana pihak kepada hukum *takhsīs*/pengecualian iaitu kebebasan tersebut dipandu dan diikat (al-Rawāhanah, 2006: 7-8) dengan arahan tertentu yang diyakini memberikan lebih keadilan dan kebaikan kepada semua pihak selama mana tidak bercanggah dengan nas-nas syarak (‘Abd al-‘Aziz, 1994: 22-23). Dalam konteks pengeluaran arahan amalan ia lebih berbentuk *istihsān bi al-maṣlahah*.

Pemakaian arahan amalan juga menepati prinsip *taysīr* iaitu memberikan kemudahan kepada pihak-pihak yang berurusan dengan mahkamah. Prinsip memberikan kemudahan kepada manusia ini ditegaskan dengan jelas melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan.” (Al-Baqarah, 2: 185)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Permudahkanlah dan janganlah menyusahkan”⁷

Selain itu, pemakaian arahan amalan boleh menghapuskan kesulitan (*raf’u al-ḥaraj*), mengelakkan kesukaran (*daf’u al-mashaqqah*) dan menghilangkan kemudharatan (*al-darar yuzāl*) (al-Suyutī, 1998: 210; al-Nadawī, 2007: 287) orang ramai terutama yang berurusan dengan Mahkamah Syariah. Kesan dari ketidakseragaman undang-undang, tatacara dan amalan antara satu mahkamah dengan mahkamah yang lain lebih-lebih lagi antara mahkamah yang berlainan negeri menimbulkan *ḥaraj*, *mashaqqah* dan *darar* kepada semua pihak yang terlibat. Dengan adanya arahan amalan yang menyeragamkan peraturan dan tindakan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia pastinya dapat menghindarkan *ḥaraj*, *mashaqqah* dan *darar* dari terus berlaku. *Ḥaraj* dan *mashaqqah* juga dihadapi oleh para hakim dan pengamal undang-undang ketika memahami dan mentafsirkan peruntukan undang-undang yang umum, tidak jelas dan kabur. Kaedah fiqh menyebut; *al-mashaqqah tajlibu al-taysīr*

⁷ Al-Bukhārī, Ṣahīḥ al-Bukhārī, 30 (Kitāb al-‘Ilm, Bāb Ma Kāna al-Nabiy Yatakhawwaluhum bi al-Mau’izah wa al-‘Ilm Kaila Yanfirūn, no. Hadith 69).

(kesukaran membawa kemudahan). Kaedah yang berkaitan menyebut; *idhā ittasa' al-amr dāqo* (jika suatu perkara itu luas hendaklah disempitkan) (*Ibid*).

Seterusnya arahan amalan adalah bertepatan dengan prinsip *sadd al-dharā'i'* iaitu menutup pintu atau saluran yang membawa kepada keburukan dan kerosakan (Al-Burhāni, 1985: 52). Menurut Shukeri Mohammad (2011: 23), kaedah ini juga biasa diperluaskan pemakaiannya kepada konsep membuka pintu-pintu yang membawa ke arah kebaikan atau sesuatu yang bermanfaat. Berdasarkan prinsip ini, pemerintah boleh mengambil tindakan menyekat sesuatu perkara yang boleh membawa kepada keburukan demi menjaga kepentingan rakyat dan negara. Antaranya ialah dengan mengeluarkan arahan amalan tertentu dari semasa ke semasa untuk menyelaras dan menyeragam peraturan dan tatacara mahkamah yang jika dibiarkan membawa kepada keburukan dan kesulitan kepada sistem kehakiman yang ada. Selain itu, penggunaan kuasa budi bicara dan tafsiran undang-undang yang tidak terkawal dan terarah memberikan kesan yang tidak baik dan boleh menjejaskan keadilan dan kesaksamaan terlaksana (Abdul Aziz Bari, 2004: 39-57). Justeru arahan amalan yang dikeluarkan boleh menutup pintu-pintu berlakunya ketidakadilan dan kekhilafan dalam sesuatu penghakiman dan hukuman di mana para hakim dipandu dengan tatacara dan panduan yang jelas dalam menjalankan pentadbiran dan prosiding kehakiman.

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN DALAM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Pentadbiran Mahkamah Syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri berdasarkan kepada perunukan Jadual 9, Senarai 2, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Justeru, kuasa menggubal, mentadbir dan melaksanakan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam diberikan kepada pihak berkuasa negeri. Implikasi yang timbul ialah berlakunya ketidakseragaman undang-undang, peraturan ataupun pentadbiran berkaitan agama Islam termasuklah Mahkamah Syariah. Isu ketidakseragaman undang-undang dan pentadbiran Mahkamah Syariah menjadi rungutan orang ramai yang berurusan dengan Mahkamah Syariah dan menjadi topik perdebatan para pengamal undang-undang dan ahli akademik sejak sekian lama. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menangani polemik tersebut (Mazni & Ahmad Hidayat, 2020: 211).

Salah satu usaha untuk memastikan perjalanan mahkamah dan perbicaraan kes dapat dilaksanakan dengan seragam, telus dan lancar, JKSM telah mewujudkan arahan tertentu berkaitan pentadbiran undang-undang syariah yang

perlu dipatuhi oleh semua Mahkamah Syariah yang dikenali sebagai “Arahan Amalan”. Sesuai dengan penubuhan JKSM pada tahun 1998 yang antaranya bertujuan untuk mengatasi permasalahan ketidakseragaman pentadbiran dan kehakiman yang wujud di Mahkamah Syariah sejak sekian lama (Ibrahim Lembut, 2009: 11), JKSM telah mengambil langkah menyediakan satu pelan tindakan dengan mengeluarkan Arahan Amalan dari semasa ke semasa yang merangkumi pelbagai prosedur kehakiman (Abdul Monir Yaacob, 2008: 13) untuk menghilangkan *haraj*, *darar* dan *mashaqqah* yang dihadapi sekian lama oleh para pengamal undang-undang, hakim dan pegawai mahkamah serta orang ramai yang menjadi klien Mahkamah Syariah.

Pengeluaran arahan amalan di Mahkamah Syariah yang bermula pada tahun 2000 merupakan suatu perkara yang boleh dikatakan baru hasil daripada adaptasi terhadap arahan amalan yang digunapakai di Mahkamah Sivil (Abdul Hamid Mohamad, 2014). Sehingga artikel ini ditulis, sebanyak 218 arahan amalan telah dikeluarkan (tahun 2000-2020) oleh JKSM untuk digunapakai di Mahkamah Syariah seluruh negara.

Arahan-arahan amalan dan pentadbiran yang berbeza di setiap negeri telah diselaraskan oleh JKSM melalui Arahan Amalan Mahkamah Syariah untuk digunapakai di semua Mahkamah Syariah di Malaysia. Namun penguatkuasaannya di peringkat negeri perlulah mendapat pengendorsan daripada Ketua Hakim Syarie negeri-negeri bagi menjadikan arahan amalan tersebut sebagai sumber autoriti yang sah di Mahkamah Syariah. Ini kerana Ketua Hakim Syarie Negeri-negeri merupakan ketua pentadbiran Mahkamah Syariah di negeri masing-masing.

Pengeluaran arahan amalan selain bertujuan untuk menyeragamkan pengurusan pentadbiran kes-kes di Mahkamah Syariah, ia juga bertujuan untuk mempercepatkan penyelesaian kes yang menggambarkan keberkesanannya dalam menyelesaikan konflik keluarga Islam di Mahkamah Syariah. Dalam masa yang sama, ia juga memudahkan para hakim dan pengamal undang-undang membuat rujukan, memberi penerangan dan penjelasan kepada peruntukan undang-undang yang kabur dan mengelirukan (Mohd Nadzri, 2020: 16). Oleh yang demikian, prinsip *taysir* (memberi kemudahan) yang ditekankan oleh syarak telah diaplikasikan melalui pelaksanaan arahan amalan ini. Jelasnya, pengeluaran arahan amalan menunjukkan tujuan dan asas yang baik serta selaras dengan *maqāsid al-sharī'ah* iaitu untuk menjaga agama sebagai *al-dīn al-ḥaq* dan menjaga harta, kerana melalui pemakaian arahan amalan, konsep menjaga undang-undang Islam dan harta dengan kos yang lebih kecil dan penyelesaian kes yang lebih cepat dapat dilaksanakan (Mazni, 2014: 78).

Arahan amalan juga berperanan untuk menjelaskan tatacara atau prosedur yang tidak jelas dan kabur dalam melaksanakan kerja-kerja di mahkamah, bahkan menjelaskan perkara yang tidak ada di dalam undang-undang atau kaedah atau mana-mana peraturan lain (Sheikh Ghazali, 2002: 182). Secara keseluruhannya, pemakaian arahan amalan telah banyak memberikan impak yang baik kepada Mahkamah Syariah. Kesan dari pemakaian arahan amalan telah membantu ke arah penyeragaman peraturan dan tindakan antara Mahkamah Syariah yang berlainan negeri di negara ini ke arah mewujudkan setiap Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai amalan dan standard operasi serta prosiding yang sama. Ia juga telah menjadikan sistem pentadbiran, pengurusan kes dan kehakiman Mahkamah Syariah menjadi lebih baik dan lebih efisien (Mazni & Ahmad Hidayat, 2020: 224).

KESIMPULAN

Meskipun arahan amalan bermula di Mahkamah Syariah di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu dan perbincangan khusus mengenainya tidak didapati dalam teks-teks perundangan Islam, namun prinsip-prinsip pemakaian arahan amalan sebenarnya telah lama diamalkan sejak zaman awal perundangan Islam lagi. Malah pemakaian arahan amalan sama sekali tidak bertentangan dengan hukum syarak bahkan ia menepati nas-nas al-Quran, al-Sunnah, amalan sahabat, prinsip-prinsip syarak dan kaedah-kaedah fiqh. Pemakaian arahan amalan juga menepati *maqāsid al-sharī'ah* dalam kehakiman iaitu menegakkan keadilan dengan membantu melicinkan pentadbiran sistem kehakiman syariah di negara ini. Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah adalah satu tindakan wajar diambil oleh JKSM untuk menyeragamkan pentadbiran dan kehakiman di Mahkamah Syariah yang berasaskan hukum syarak dalam kerangka pelaksanaan *siyāsah shar'īyyah* berpandukan *maqāsid al-sharī'ah* yang mesti diikuti, dipatuhi serta diterimapakai selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak.

RUJUKAN

- 'Abd al-'Aziz Muḥammad 'Azam (1999). *Qawā'id al-Fiqh al-Islāmī*. Al-Sharqiyyah: Maktabah al- Risālah al-Dawliyyah.
- 'Abd al-'Aziz, 'Umar (1994). *Sharh Adāb al-Qāḍī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abd al-Karīm Zaydān (1993). *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Qāhīrah: Dār al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islāmiyyah.

- ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām (1999). *Qawā’id al-Aḥkām fī Maṣālih al-Anām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abdul Aziz Bari (2004). “Kuasa-Kuasa Budi Bicara Teori dan Pemakaiannya dalam Undang-Undang Perlembagaan dan Undang-undang Pentadbiran,” dalam *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 8 (2004) 39-57.
- Abdul Hamid Mohamad (2014). “Penambahbaikan dalam Pelaksanaan Undang-Undang Harta Pusaka Islam di Malaysia.” Kertas kerja, Seminar Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia 2014, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia, 2014.
- Abdul Monir Yaacob (2008). “Konsep Kehakiman Islam” dalam *Sistem Kehakiman Islam*, ed. Ibidem. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Asha’ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī (2009). *Sunan Abū Dāwūd*. Bayrūt: Dār al-Risālah al-‘Alamiyyah.
- Abū Fāris, Muḥammad ‘Abd al-Qādīr (1995). *Al-Qādā fī al-Islām*. ‘Amman: Dār al-Furqān,
- Abū Yūsuf, Ya’qūb bin Ibrāhīm (1997). *Al-Kharāj*. Tunisia: Dār al-Busālamah li al-Nashr.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl (2002). *Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Ghazālī (1322H). *Al-Mustaṣfa min ‘ilm al-Usūl*. Qāhirah: Ṭab’ah al-Amīriyyah, jld. 1.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad (2006). *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Al-Nadawī, ‘Alī Aḥmad (2007). *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Dimasq: Dār al-Qalam.
- Al-Qaṣṭallānī, Shihābuddīn (1996). *Irshād al-Sāri li Sharh Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 6.
- Al-Rawāhanah, ‘Alī Jum’ah (2006). *Al-Nuzum al-Islāmiyyah*. Maḥraq: Dār al-Masar.
- Al-Raysūnī, Aḥmad (2009). *Al-Madkhal ilā Maqāsid al-Shar’iyyah*. Manṣūrah: Dār al-Kalimah.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl Abū Bakr (1989). *Al-Mabsūṭ*. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, jld. 12.
- Al-Suyūṭī, Imam Jalāluddīn Abdul Rahman (1998). *Al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad (2007). *Fath al-Qādīr*. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah.

- Al-Zarkashī, Badruddin Muḥammad bin Bahādir bin ‘Abdullah (t.t). *Baḥr al-Muḥīṭ fī Usūl al-Fiqh*. Kuwait: Wazā’ir al-Auwqaf fī al-Shu’ūn al-Islāmiyah, jld. 6.
- Al-Zarqā, Muṣṭafa Aḥmad (1998). *al-Istiṣlāḥ wa Maṣāliḥ al-Mursalāh wa Usūl Fuqaha’*. Dimasq: Dār al-Qalam.
- Arnūs, Muḥammad Maḥmūd (t.t). *Tarikh al-Qaḍā fī al-Islām*. Qāhirah: al-Matba’ah al-Miṣriyyah.
- Curzon, LB. (2003). *Dictionary of Law*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Daud Mohamad (2015). “Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Shariah: Satu Penghayatan Semula,” *KANUN* 27.1.
- Elizabeth A. Martin, ed. (1997). *A Dictionary of Law*, Fourth Edition. New York: Oxford University Press.
- Farūq Abdullah Kareem (2012). *Al-Istiḥsān wa Namāzaj min Tatbīqātihi fī al-Fiqh al-Islāmī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hamzah, W.A. (2009). *A First Look at The Malaysian Legal System*. Shah Alam: Malaysia Oxford Fajar.
- Hānī al-Sibā’ī (2006). “Ḥukm Ḍarb al-Muttahim wa Khidā’ih wa Tahāyul ‘Alaih,” dalam *Ithbāt Jarīmah al-Qatl al-‘Amad Dirāsah fī Fiqh al-Jinā’ī al-Muqāran*. London: Maktabah al-Maqrizi.
- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad al-Ṭahir (2007). *Maqāsid al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al-Salam.
- Ibn al-Qayyim (2002). *Al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar’iyyah*. Qāhirah: Dār al-Hadith.
- Ibn Farhūn, Burhānuddīn Ibrāhīm bin ‘Ālī bin Abī al-Qāsim ibn Muḥammad (1995). *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Usūl al-Aqḍiyah wa Manāhij al-Aḥkām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld 1.
- Ibrahim Lembut (2009). Laporan Tahunan JKSM. Putrajaya: JKSM.
- Mazni Abdul Wahab & Ahmad Hidayat Buang (2021). “Penyeragaman Pentadbiran Mahkamah Syaria Di Malaysia Melalui Pemakaian Arahan Amalan JKSM” dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan*, ed. Mohamed Azam Mohamed Adil et.al. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Mazni Abdul Wahab (2014). “Pemeriksaan Mahkamah Shariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.” Tesis kedoktoran, Jabatan Shariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman (2020). *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*. Selangor: Anaasa Publication.
- Mohd. Nasran Mohamad (2002). “Sumber Perundangan Islam,” dalam *Falsafah Perundangan Islam*, ed. Amir Husin, Abdul Basir Mohamad, Mohd. Nasran Mohamad & Zaini Nasohah. Kuala Lumpur: Mahzuum Book Services.
- Muhammad ‘Alī al-Ṣabūnī (1996). *Mukhtaṣar Tafsīr Ibnu Kathīr*. Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, jld 1.
- Muhammad al-Zuhaylī (1995). *Tāriḫ al-Qaḍā’ fī al-Islām*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Muhammad Hishām al-Burhānī (1985). *Sadd al-Dharā’i’ fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Matba’ah al-Raihānī.
- Muhammad Salām Madkur (1964). *Al-Qaḍā’ fī al-Islām*. Miṣr: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyah.
- Musharrafah, ‘Aṭīyyah Muṣṭafā (1966). *Al-Qaḍā’ fī al-Islām*. Miṣr: Dār al-Ghad al-‘Arabī.
- Muslim, Abū al-Husayn ‘Asākīr ad-Dīn Muslim ibn al-Hajjāj ibn Muslim ibn Ward ibn Qushayrī an-Nashābūrī (2008). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Qāhirah: Dār Ṭība.
- Naswah al-‘Ulwānī (2004). *Al-I’tirāf fī al-Da’wā al-Jazā’iyyah Dirāsah Muqāranah bainā al-Sharī’ah wa al-Qanūn*, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.
- Ṣalīḥ ‘Abdullah Ḥamīd (2020). *Raf’u al-Ḥaraj fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah Dawābituhu wa Taṭbīquhu*. Riyāḍ: Afāq al-Ma’rifah.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2002). “Amalan-Amalan Pentadbiran di Mahkamah Syariah” dalam *Jurnal Hukum XX/II* (2002).
- Shukeri Mohammad (2011). “Siyasah Syar’iyyah: Pelaksanaannya Dalam Pentadbiran Negara” dalam *Pelaksanaan Siyasah al-Syar’iyyah Dalam Konteks Semasa*, Jabatan Shariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Ṭalāfah, Muhammad Maḥmūd Aḥmad (2008). *Qā’idah Taṣṣaraf al-Imām ‘alā al-Ra’iyyah Manūṭ bi al-Maṣlahah*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Wael B. Hallaq (2005). *The Origins And Evolution Of Islamic Law*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Wahbah al-Zuhaylī (1997). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dimashq: Dār al-Fikr. Jld. 8.

Zulfakar Ramlee (2019). “Prinsip Maqasid Shariah dalam Pencegahan dan Penguatkuasaan Jenayah Shariah,” Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), diakses pada 5 Februari 2020, http://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/cakna_2019/Prinsip_Maqasid_SyaRiah_Dalam_Pencegahan_Jenayah_Shariah.pdf

